

Newspaper	SelangorKini
Date	1 January 2016

TPM patut dedah penswastaan dilulus Najib

SelangorKini - 1/1/2016

SHAH ALAM - Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi perlu mendedahkan semua penswastaan yang diluluskan sejak Datuk Seri Mohd Najib Razak menjadi Perdana Menteri.

Setiausaha Agung KEADILAN, Rafizi Ramli, berkata Najib sepatutnya mula mengambil tindakan terhadap perjanjian disifatkan berat sebelah bagi memastikan rakyat tidak dibebankan dengan bayaran pampasan tinggi kepada pemegang konsesi.

"Jika beliau tidak berani mendedahkan perjanjian itu dan mengambil tindakan untuk menghentikan kegilaan menswastakan projek kerajaan melalui konsep konsesi, beliau sewajarnya tidak bercakap mengenai perjanjian konsesi lain yang semuanya diluluskan pentadbiran Umno-Barisan Nasional," katanya yang juga Ahli

Parlimen Pandan dalam kenyataan media pada 29 Disember lalu.

Katanya, beliau turut melahirkan kebimbangan pentadbiran Najib menganugerahkan lebih banyak perjanjian konsesi yang membebankan rakyat berbanding Perdana Menteri terdahulu.

Meskipun beliau bersetuju banyak perjanjian konsesi lebuhraya dan penjana bebas (IPP) diluluskan pentadbiran Tun Mahathir Mohamad namun bukan bermakna pentadbiran Najib Razak tidak mampu berbuat apa-apa untuk berunding semula perjanjian.

Katanya, KEADILAN sebelum menjelang PRU-13 sudah mencadangkan penubuhan sebuah Suruhanjaya Perjanjian Awam (Public Agreements Commission) untuk menyemak kembali kesemua perjanjian dengan pihak swasta yang meli-

Walaupun banyak perjanjian konsesi lebuhraya dan penjana bebas (IPP) diluluskan pentadbiran Tun Mahathir Mohamad namun bukan bermakna pentadbiran Najib Razak tidak mampu berbuat apa-apa untuk berunding semula perjanjian

RAFIZI RAMLI
Setiausaha Agung
KEADILAN

batkan kepentingan awam.

Suruhanjaya itu juga berhak memutuskan cadangan untuk memastikan kepentingan rakyat lebih dilindungi namun ia tidak diendahkan kerajaan.